



## **Strategi-strategi Psikologi Merekrut Pemikiran Muslim dalam Majalah *Dabiq*** *(Psychological Strategies in Recruiting Muslim Thoughts in the Dabiq)*

Noor Izatie Che Zawawi, Zul' Azmi Yaakob, Nur Farhana Abdul Rahman

Pusat Akidah dan Keamanan Global  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Kampus Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email: noorizatie92@gmail.com; zulazmi@ukm.edu.my; nfarhana@ukm.edu.my

---

**Abstrak** –Kemunculan banyak majalah adalah disebabkan oleh propaganda atau strategi-strategi dalam menyebarkan ideologi kumpulan ekstremis Islam. Majalah *Dabiq* muncul adalah sebagai hasil perkembangan propaganda kumpulan Islamic State (IS) yang mana mempunyai naratif-naratif tersendiri dalam menyebarkan ideologinya dan menarik orang ramai di seluruh dunia menyertai jihadnya. Kertas kerja ini menumpukan strategi-strategi psikologi yang digunakan oleh kumpulan IS dalam majalah *Dabiq* dalam merekrut pemikiran orang ramai menyertai perjuangan jihadnya.

**Kata kunci:** *Jihad, propaganda, Dabiq, naratif-naratif, IS.*

**Abstract** – The emergence of more propaganda magazine because of propagandas or strategies to spread the ideology of Islamic extremist groups. *Dabiq* magazines appear as a result of the development of the propagandas of militant Islamic State (IS), which has its own narratives to spread its ideology and attract people around the world to join their jihad. This paper focuses on the narratives of psychological strategies by IS contained in the *Dabiq* in recruiting people's thoughts to join the jihad.

**Keywords:** *Jihad, propaganda, Dabiq, naratives, IS.*

---

### **I. Pendahuluan**

Kebelakangan ini banyak majalah propaganda yang dikeluarkan oleh golongan pelampau atau teroris agama yang berjuang atas nama jihad. Sebagai contoh majalah *Inspire* yang dikeluarkan oleh Media Foundation of al-Malahem milik kumpulan al-Qaeda yang diedit oleh Samir Khan, majalah *Kabdat Alla (The Fist of God)* oleh Hizbullah, majalah *al-Waie* oleh Hizb al-Tahrir dan majalah *Dabiq* oleh al-Hayat Media Center milik Islamic State (IS). Kesemua majalah propaganda mempunyai naratifnya diselitkan secara langsung. Menurut Kamus Dewan, edisi ke-4 (2007), naratif ialah cerita atau kisah tentang peristiwa dan pengalaman. Naratif juga adalah proses penceritaan (*story telling*) yang membolehkan pendengar mempercayai sesuatu cerita yang dinyatakan oleh mana-mana pihak (Zulkarnain 2016). Sebagai contoh naratif yang digunakan oleh kumpulan IS adalah konsep jihad sebagai satu kewajipan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap individu Islam, imej pejuang keadilan kepada umat Islam yang tertindas di seluruh dunia, kisah-kisah pejuang IS yang didakwa mati syahid dan banyak lagi (Zulkarnain 2016). Naratif-naratif ini menunjukkan kekuatan kuasa kumpulan IS dalam menyatukan umat Islam daripada seluruh dunia dan boleh menaikkan sentimen umat Islam untuk bersimpati serta menyokong perjuangan mereka. Namun, naratif-naratif ini merupakan naratif psikologi yang dijadikan strategi oleh kumpulan IS dalam merekrut pemikiran Muslim untuk menyertai khilafah.

## II. Strategi-strategi Psikologi Merekrut Pemikiran Muslim dalam Majalah *Dabiq*

Kemunculan majalah *Dabiq* oleh kumpulan IS membawa pelbagai naratif dalam kandungan majalah tersebut bagi menarik minat pembaca untuk menghayati mesej yang ingin disampaikan. Antara naratif tersebut adalah konsep jihad sebagai satu kewajiban agama dan wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam termasuklah wanita. Seruan supaya melaksanakan hijrah ke negara Islam ditekankan agar semua orang Islam yang beriman dapat bersatu, saling menyayangi, menjaga dan berkorban antara satu sama lain demi menegakkan agama Allah sebagaimana yang dinyatakan di dalam majalah *Dabiq* edisi pertama, *The Return of Khilafah* (2014: 7&11). Jihad IS adalah berkisar mengenai taat setia kepada khilafah, melaksanakan hijrah sekiranya mempunyai kemampuan dan mengaplikasikan jihad peperangan menentang golongan yang mengabaikan Islam (2014: 35).

Kumpulan IS bukan sahaja memerangi golongan non-Muslim, malah terhadap masyarakat Islam itu sendiri kerana didakwa menjadi 'tali baru' Barat dan golongan 'kafir' menurut kebekuan ijtihad mereka (Zul'Azmi 2015: 59). Kumpulan IS menunjukkan imej yang baik di negara Islam melaluikesatuan orang Islammenegakkan agama dan memerangi golongan kafir. Hal ini adalah strategi psikologi IS supaya pembaca terkesan dengan jihadnya dan memberikan taat setia kepada khilafah. Naratif yang dipaparkan seolah-olah kumpulanIS mendakwa jihad menurut perspektif Islam hanyalah terdapat jihad peperangan yang memerangi golongan kafir dan golongan Islam yang didakwa berkerjasama dengan orang kafir semata-mata. Bahkan di dalam Islam, jihad mempunyai pelbagai kategori seperti jihad dengan lisan iaitu berdakwah mengenai ajaran Islam kepada masyarakat, jihad dengan harta iaitu menginfakkan harta kekayaan di jalan Allah dan jihad dengan jiwa atau peperangan iaitu memerangi orang kafir yang memerangi Islam dan umat Islam (Ahmad Dzikiran t.th.: 56). Namun, Allah memerintahkan berperang hanya dalam situasi tertentu sahaja (Ahmad Dzikrant.th.: 61-63). Pertama adalah ketika kaum Muslim atau negeri mereka diserang oleh orang-orang kafir seperti firman Allah dalam surah *al-Baqarah*: 190 yang bermaksud:

*"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, tetapi janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."*

Kedua adalah ketika terdapat sekelompok komuniti Muslim yang diperangi oleh orang atau negara kafir seperti firman Allah dalam surah *al-Anfāl*: 72 yang bermaksud:

*"...jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam urusan pembelaan agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan, kecuali terhadap kaum yang telah terikat perjanjian antara kamu dengan mereka..."*

Ketiga adalah ketika dakwah Islam yang dilakukan oleh negara Islam dihalang oleh pemerintah kafir dengan kekuatan fizikal mereka seperti firman Allah dalam surah *al-Baqarah*: 193 yang bermaksud:

*"Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka tidak ada permusuhan (lagi), kecuali terhadap orang-orang yang zalim."*

Namun, tidak semua orang kafir boleh dibunuh. Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2009: 845), terdapat ancaman yang keras sekiranya membunuh ketiga-tiga jenis orang kafir dalam sabda Rasulullah SAW daripada Abdullah bin 'Amr:

*مَنْ قَتَلَ مُعَاهِدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنَّ رِيحَهَا تُوْجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا*

Maksudnya:

*"Sesiapa yang membunuh kafir mu'ahad dia tidak akan mencium bau syurga dan sesungguhnya bau syurga itu tercium dari perjalanan empat puluh tahun."<sup>1</sup>*

Ibnu Hajar ra berpendapat bahawa kata *mu'ahad* dalam hadis tersebut mempunyai skop yang luas. Beliau berkata, "Dan yang dimaksudkan dengan *mu'ahad* adalah setiap orang kafir yang mempunyai perjanjian dengan kaum Muslimin samaada dengan akad *jizyah* (kafir *zimmi*), perjanjian daripada penguasa (kafir *mu'ahad*) atau jaminan keamanan daripada seorang Muslim (kafir *musta'man*)." Manakala orang kafir yang dibolehkan membunuhnya ialah kafir *harbi* iaitu orang kafir yang memerangi kaum Muslimin (Ahmad Dzikrant.th.: 357).

Lagipun, kumpulan IS tidak boleh membunuh orang Muslim sesuka hati kerana betapa terhormatnya nyawa seorang Muslim dan Allah menyediakan azab yang besar ke atas pembunuh orang Muslim. Sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Nisā'*: 93 yang bermaksud:

*Dan sesiapa yang membunuh seorang yang beriman dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahanam, kekal dia di dalamnya. Allah murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan azab seksa yang besar baginya.*

<sup>1</sup> Al-Bukhāri, *Sahīh al-Bukhāri*, Kitab Jizyah wa al-Mawāda'ah, Bab Ismi Man Qatala Mu'ahadan bighairi Jurmin, No. hadis 3166.

Hadis diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr bahawa Rasulullah SAW juga menegaskan:

لَزَوَالِ الدُّنْيَا أَهْوَنُ عَلَى اللَّهِ مِنْ قَتْلِ رَجُلٍ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

*"Hilangnya dunia lebih ringan di sisi Allah daripada membunuh (jiwa) seorang Muslim."*<sup>2</sup>

Di samping itu, strategi psikologi juga ditunjukkan dalam majalah *Dabiq* melalui naratif mengenai pandangan orang Islam yang sedang tertindas di negara lain di dunia dan setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk melindungi saudara seagama (Sara Zeiger 2016: 10). Keadaan ini seolah-olah memerlukan satu gerakan yang melawan golongan yang menindas umat Islam di negara lain. Oleh itu, pejuang-pejuang kumpulan IS tampil sebagai penyelamat keadilan menggunakan kekerasan dan respon dalam melawan golongan kafur. Sebagai contoh kenyataan dalam majalah *Dabiq* edisi yang ke-7 (2015: 30-32) menyatakan serangan terhadap gereja Katolik di Baghdad adalah untuk membalas dendam bagi penganiayaan wanita Muslim iaitu Kamilia Shehata, Wafa Constantine dan wanita lain yang telah diseksa dan dibunuh. Lima serangan pengebom berani mati (*istishhadiyyin*) tersebut membunuh dan mencederakan lebih daripada 100 orang yang dianggap sebagai tentera salib.

Selain itu, setiap edisi majalah *Dabiq* diselitkan dengan naratif psikologi melalui penceritaan pengalaman individu yang memberikan taat setia kepada kumpulan IS dan kisah mujahid yang didakwa mati syahid. Naratif sebegini secara langsung memberi inspirasi, motivasi dan dijadikan idola kepada masyarakat terutama individu yang selama kehidupannya melakukan banyak kemungkaran dan kemaksiatan. Dengan memberikan taat setia dan menyertai jihad kumpulan IS melawan golongan kafur, dosa yang terdahulu yang dilakukan oleh seseorang individu akan dimaafkan oleh Allah. Tanggapan seumpama ini diterapkan di dalam pemikiran seluruh masyarakat di dunia menjadi faktor penarik untuk menyertai jihad kumpulan IS. Semua ini diceritakan dalam pendahuluan majalah *Dabiq* edisi ke-13 (2016: 4):

*Thus, the believers who do trade with Allah will never lose, rather, the only stand to profit. {O you who have believed, shall I guide you to a transaction that will save you from a painful punishment? It is that you believe in Allah and His Messenger and strive in the cause of Allah with your wealth and your lives. That is best for you, if you should know. He will forgive for you your sins and admit you to gardens beneath which rivers flow and pleasant dwellings in gardens of perpetual residence. That is the great attainment} [As-Saff: 10-12].*

Hal ini terjadi disebabkan wujud kelompok masyarakat yang jahil mengenai Islam. Penceritaan sebegini berjaya menarik perhatian golongan belia yang mencari jalan pintas ke syurga. Jalan ini dimanipulasi oleh kumpulan atas nama jihad sebagai jalan pengampunan dosa-dosa. Namun persoalan muncul adakah pejuang-pejuang IS ini sememangnya mati syahid? Adakah pejuang-pejuang tersebut melakukan jihad mengikut syariat Islam yang sebetulnya sehingga didakwa telah mati syahid? Mati syahid ialah seorang Muslim yang meninggal ketika berperang atau berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) membela kebenaran dan mempertahankan hak dengan penuh kesabaran serta keikhlasan untuk menegakkan agama Allah (Ahmad Dzikrant.th.: 15-16).

Lagipun, pengampunan dosa-dosa mempunyai pelbagai cara termasuklah melalui taubat nasuha. Setiap individu tidak semestinya perlu melibatkan diri di dalam aktiviti jihad terutamanya jihad yang dibawa oleh kumpulan IS. Jalan pintas ke syurga tidak wujud melainkan memohon keampunan daripada Allah SWT. Menurut Islam, setiap kesalahan atau kemungkaran yang dilakukan hendaklah dihentikan segera dan bertaubat kepada Allah. Taubat menghapus dosa-dosa yang terdahulu. Allah mengampuni dosa orang-orang yang bertaubat meskipun sebanyak buih di lautan atau setinggi langit. Sebagaimana firman Allah dalam surah *az-Zumar*: 53 yang bermaksud:

*Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Menurut al-Qaradhawi (2012: 32), Rasulullah bersabda:

*"Jika kamu melakukan kesalahan sehingga kesalahan kamu setinggi langit, kemudian kamu bertaubat, nescaya Allah akan menerima taubat kamu".*

Menurut Hasan al-Bashri, taubat adalah seseorang hamba yang menyesal terhadap kesilapan lalu dan berazam tidak mengulangnya. Manakala menurut al-Kalbi, taubat adalah beristighfar dengan lidah, menyesal dengan hati serta menahan dengan badan untuk tidak melakukannya lagi. Kesimpulannya, taubat adalah penyesalan dengan hati, istighfar dengan lisan, meninggalkan perbuatan dosa dengan anggota badan dan berjanji untuk tidak akan

<sup>2</sup>At-Tirmidhī, *Jāmi' at-Tarmidhī*, Hasan, Kitab al-Diyāt 'an Rasulullah, Bab Mā Jāa fi Tashdīd Qatli al-Mu'min, No. hadis 1421).

mengerjakan perbuatan dosa itu lagi (al-Qaradhawi 2012: 71-73). Selain itu, membaca doa dan zikir juga merupakan cara lain untuk memohon pengampunan dosa-dosa daripada Allah SWT. Menurut hadis dari Syaddad bin Aus ra daripada Rasulullah SAW bahawa beliau bersabda: “Sesungguhnya istighfar yang paling baik adalah seseorang mengucapkan:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا  
اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوؤُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُؤُ لَكَ بِذَنْبِي  
فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya:

*Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tidak ada Tuhan yang berhak diibadahi selain Engkau. Engkau telah menciptakanku dan aku adalah hamba-Mu. Aku menepati perjanjian-Mu dan janji-Mu sesuai dengan kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu dari keburukan perbuatanku, aku mengakui dosaku kepada-Mu dan aku akui nikmat-Mu kepadaku, maka ampuni aku. Sebab tidak ada yang dapat mengampuni dosa selain-Mu’.*<sup>3</sup>

Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa yang mengucapkannya pada waktu siang dengan penuh keyakinan dan dia meninggal pada hari itu sebelum waktu petang, maka dia termasuk dari penghuni syurga. Barangsiapa yang mengucapkannya pada malam hari dengan penuh keyakinan dan dia meninggal sebelum masuk waktu pagi, maka dia termasuk dari penghuni syurga.” Para ulama menghitung hadis ini sebagai satu riwayat untuk kedua-dua waktunya (malam dan pagi hari). Ini adalah salah satu zikir yang harus diucapkan pada waktu pagi (subuh) iaitu antara permulaan fajar dan terbitnya matahari serta di waktu petang (Musthafa Bugha 2013: 1308). Syurga adalah jaminan baginya. Lafaz ini merupakan lafaz yang terbaik dan paling sempurna dalam memohon keampunan kepada Allah SWT (Abdur Razak 2008: 7). Kesemua cara ini merupakan langkah memohon keampunan daripada Allah di atas dosa-dosa yang dilakukan oleh seseorang individu.

Kesemua contoh di atas menunjukkan strategi psikologi merekrut pemikiran Muslim dalam majalah *Dabiq* oleh kumpulan IS. Strategi-strategi psikologi yang digunakan dalam majalah *Dabiq* menjadi salah satu faktor kejayaan kumpulan IS dapat menarik orang ramai menyertai perjuangan jihadnya.

### III. Metode Jihad dalam Islam

Kandungan dalam majalah *Dabiq* menunjukkan metode jihad kumpulan IS yang menggunakan kekerasan dalam melawan golongan kafir. Kumpulan IS mengebom tempat ibadat agama lain iaitu gereja Katolik di Baghdad bagi membalas perbuatan gereja menganiaya wanita Muslim sebagaimana kenyataan dalam majalah *Dabiq* edisi yang ke-7 (2015: 30-32). Walaupun serangan yang dilakukan adalah tindakan yang ganas pada keseluruhannya tetapi kumpulan IS memanipulasi persepsi masyarakat seluruh dunia bahawa tindakan tersebut setimpal dengan perbuatan gereja terhadap wanita Muslim di sana. Menurut kumpulan IS, setiap individu bertanggungjawab untuk melindungi dan membalas kembali di atas perbuatan tersebut. Di dalam Islam, tindakan melindungi saudara sesama Islam adalah sesuatu tindakan yang mulia. Namun, tindakan keganasan menyerang balik musuh tidak boleh dilakukan. Matlamat yang baik untuk membantu tidak semestinya menghalalkan cara yang ganas dan menzalimi orang lain. Sebagaimana firman Allah dalam surah *as-Shūrā*: 39-43 yang bermaksud:

*39. Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu perbuatan secara zalim, mereka hanya bertindak membela diri (sepadan dan tidak melampaui batas). 40. Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim. 41. Dan sesungguhnya orang yang bertindak membela diri setelah dia dizalimi, maka mereka yang demikian keadaannya, tidak ada sebarang jalan hendak menyalahkan mereka. 42. Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang peroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. 43. Dalam pada itu*

<sup>3</sup>Al-Bukhāri, *Sahīh al-Bukhāri*, Kitab al-Da‘wāt, Bab Afdal al-Istighfār, No. hadis 6306.

(ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang mulia (melakukannya).

Tambahan pula, etika peperangan di dalam Islam juga melarang meruntuhkan atau menceroboh rumah ibadat agama lain walaupun di dalam peperangan seperti yang dilakukan oleh kumpulan IS. Allah mengutuk sesiapa yang menzalimi orang lain (Ahmad Dzikan t.th.: 366). Seperti firman Allah dalam surah *al-Hajj*: 40 yang bermaksud:

*“Kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang di dalamnya banyak disebut nama Allah.”*

Menurut Imam al-Qurtubi (2008: 530), ayat itu cukup jelas menegaskan syariat yang ditetapkan oleh Allah di muka bumi supaya melindungi tempat ibadat itu daripada keganasan tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab. Rasulullah SAW tidak henti-henti menekankan agar hak Nasrani dan Yahudi atau bukan Muslim yang lain supaya diberikan secara adil dan seimbang. Hal itu terbukti ketika Rasulullah SAW memberikan kesempatan kepada para pendeta Bani al-Harits dan Najran untuk tetap bebas beribadat. Ketika Umar bin Khattab merebut Jerussalam, dia menjamin hak beribadat kaum Nasrani dan berjanji tidak akan memusnahkan gereja mereka. Semua ini adalah bukti bahawa Islam menolak pelbagai bentuk kerosakan terhadap tempat ibadat dan melakukan keganasan terhadap para penganut agama lain.

Beberapa metode jihad yang dilakukan oleh kumpulan IS di dalam peperangan dianggap bercanggah dengan etika jihad Islam. Terdapat etika dan peraturan yang ditetapkan oleh Islam ketika berjihad yang perlu dipatuhi oleh mujahid sebenar untuk memperoleh ganjaran syahid. Antaranya ialah menghormati mayat musuh, tidak melakukan penyeksaan atau penderaan terhadap musuh, tidak menyerang orang awam dan orang yang tidak bersalah, memberi bantuan kemanusiaan kepada musuh, melayani musuh dengan belas kasihan dan sebagainya (Hanif Yusabra: 21). Islam juga melarang membunuh utusan atau duta musuh, melarang membunuh kaum wanita, anak-anak, orang gila, orang tua, pendeta, orang buta, orang sakit, makruh hukumnya jika merosakkan bangunan dan tumbuh-tumbuhan serta haram membunuh haiwan tunggangan atau haiwan lain milik orang-orang kafir (al-Zuhaily 2012: 89-95). Hal ini jelas menunjukkan kumpulan IS telah melanggar etika jihad di dalam peperangan dan tidak mungkin diangkat sebagai mujahid. Sebagaimana di dalam hadis diriwayatkan daripada Buraidah bahawa Rasulullah bersabda:

*“Berperanglah dengan nama Allah untuk menegakkan di jalan Allah. Perangilah orang yang kafir kepada Allah. Berperanglah kamu dan jangan menipu (dalam harta rampasan), jangan kamu mengkhianati janji, jangan membunuh dengan kejam dan jangan membunuh kanak-kanak.”<sup>4</sup>*

Secara keseluruhannya, terdapat sesetengah metode jihad yang dilaksanakan oleh kumpulan IS menunjukkan percanggahan dengan etika jihad di dalam Islam. Metode jihad ini dianggap keras berbeza dengan etika jihad dan peraturan di dalam Islam yang sebenar.

#### IV. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kumpulan IS menggunakan pelbagai naratif bagi merekrut orang ramai menyertai khilafah. Antaranya adalah naratif jihad sebagai satu kewajiban agama, sentimen umat Islam dihina, ditindas dan dijajah, Negara Islam, Khilafah Islamiyah serta kisah pejuang-pejuang yang didakwa mati syahid dalam memperjuangkan jihad atas nama Islam. Kesemua naratif yang dipaparkan dalam majalah *Dabiq* adalah strategi psikologi dalam menarik orang ramai bersimpati, bersatu dan menyertai perjuangannya menentang golongan kafir dan orang Islam yang didakwa bersubhat dengan golongan kafir di seluruh dunia. Naratif-naratif yang dipaparkan oleh kumpulan IS sudah tentu mempunyai propaganda dan agendanya yang tersendiri dalam mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan seseorang individu. Kita mesti sentiasa berhati-hati dan mempunyai pemikiran yang optimis agar tidak terpengaruh di dalam agenda tersebut.

#### Rujukan

1. Al-Quran.
2. Abdur Razak bin Abdul Muhsin Al-Abbad. “Cara Terbaik dalam Memohon Ampunan,” Accessed August 5, 2017. <http://ebooks-islam.fuwafuwa.info/%5BAbdur%20Razak%20Ibnu%20Abdul%20Muhsin%20Al-Abbad%5D%20Cara%20Terbaik%20dalam%20Memohon%20Ampunan.pdf>, 2008.
3. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairi al-Nisāburi. 2000. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi Yahyā bin Sharf al-Nawawi al-Dimashqī al-Shāfi’i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.

<sup>4</sup>Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Jihād wa as-Siyar, Bab Ta’ mīr al-Imām al-Umarā’ ‘ala al-Bu’ūth wa Wasiyyatihi Iyyāhum bi Ādābi al-Ghairihā, No. hadis 1731.

4. Ahmad Dzikan. *Mati Syahid*. Kuala Lumpur: Al-Mihrab Publications Sdn. Bhd, t.th.
5. Al-Asqalani, Ibnu Hajar. *Fathul Baari: Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*. Terj. Amiruddin. Jakarta: Pustaka Azzam, Jil. 16, 2009.
6. Al-Qaradhawi, Yusuf. *Astaghfirullah "Ampunanmu Ya Allah Aku Harapkan"*. Terj. Muhammad Zaini Yahya. Selangor: Syabab Book Link, 2012.
7. Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jakarta: Pustaka Azzam, 2008.
8. Anon. "Dabiq Issue 1: The Return of Khilafah," Accessed November 10, 2016. <https://khilafatimes.files.wordpress.com/2015/08/islamic-state-22dc481biq-magazine-122.pdf>, 2014.
9. Anon. "Dabiq Issue 7: From Hypocrisy to Apostasy The Extinction of The Grayzone," Accessed November 10, 2016. <https://khilafatimes.files.wordpress.com/2015/08/the-islamic-state-e2809cdc481biq-magazine-722.pdf>, 2015.
10. Anon. "Dabiq Issue 13: The Rāfidah From Ibn Saba' to The Dajjāl," Accessed November 10, 2016. <https://khilafatimes.files.wordpress.com/2015/08/the-islamic-state-e2809cdacc84biq-magazine-13e280b3.pdf>, 2016.
11. Hanif Yusabra Yusuf. Islamic State (IS): Implikasi Kepada Keselamatan Malaysia. *Kertas kerja Academia*, t.th.
12. Ibn Hajar al-'Asqalāni, Ahmad bin 'Alī. 2013. *Fath al-Bārī bi sharh Sahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dar al-Risālat al-'Ālamiah.
13. *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
14. Mohammad Isa bin Surah At-Tirmizi, *Tarjamah Sunan At-Tirmidzi*. Terj. Moh. Zuhri. Kuala Lumpur: Victory Agencie, Jil. 2, 1993.
15. Al-Mubārakfūrī, Muhammad 'Abd al-Rahmān bin 'Abd al-Rahīm. 1990. *Tuhfat al-Ahwadhī bi sharh Jāmi' al-Tirmidhī*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
16. Muhammad Mustafa al-Zuhaily. *Al-Mu'tamad Dalam fiqh Mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam (Jam'iah) Selangor dan Wilayah Persekutuan, 2012.
17. Musthafa Bugha. *Mukhtasar Sahih Bukhari*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 2013.
18. Musthafa Bugha. *Mukhtasar Sahih Muslim*. Terj. Muhammad Amar Adly & Muhammad Yusuf. S. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2013.
19. Zeiger, Sara. *Bagaimana Untuk Menjejaskan Naratif Ekstremis Ganas di Asia Tenggara*. Jakarta: Iman Badwan, 2016.
20. Zul'Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long. Terorisme sebagai Cabaran Ideologi Muslim Masa Kini: Satu Analisis dari Perspektif Falsafah, *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 7, 2015.
21. Zulkarnain Haron. "Islamic State (IS) Soalan-Soalan Lazim." *Berita Tentera Darat Malaysia*, 205: 50-55, <https://btdmonline.net/archive/btdm205/mobile/index.html#p=1> (Accessed April 17, 2017), 2016.
22. Zulkarnain Haron. "Melawan Naratif-naratif IS/ISIS/DAESH," *Berita Tentera Darat Malaysia*, Accessed April 15, 2017. <https://btdmonline.net/2016/03/melawan-naratif-naratif-islamic-state-di-iraq-dan-syria-isis-a-k-a-ad-dawla-al-islmiyya-fi-iraq-wa-ash-sham-daesh-apa-yang-perlu-anda-ketahui-dan-bagaimana-melawan-naratif-naratif-tersebut/>, March 25, 2016.